

**TEKS UCAPAN  
YB MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA  
MAJLIS PECAH TANAH  
BAGI PROJEK PEMBINAAN PUSAT KECEMERLANGAN TEKNOLOGI  
NASIONAL MALAYSIA – INSTITUT LATIHAN JABATAN KERJA RAYA  
MALAYSIA PADA 14 MAC 2014, JUMAAT  
OLEH YB MENTERI KERJA RAYA BERSAMA YAB KETUA MENTERI  
MELAKA**

**PADA  
14 MAC 2014  
(JUMAAT)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron  
Ketua Menteri Melaka**

**Yang Berhormat Datuk Wira Haji Naim Bin Abu Bakar  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka**

**Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di dalam Majlis Pecah Tanah Pusat Kecemerlangan Teknologi Nasional Malaysia – Institut Latihan Jabatan Kerja Raya Malaysia Di Simpang Ampat, Daerah Alor Gajah Melaka. Sesungguhnya hari ini adalah hari yang amat istimewa bagi warga Jabatan Kerja Raya sebagai penasihat teknikal Kerajaan kerana sebuah pusat latihan khas yang akan memberi latihan dan penyelidikan untuk JKR akan dibina.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka kerana sudi meluangkan masa hadir ke majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana telah memberi kerjasama dalam penyediaan tapak projek Pusat Kecemerlangan di Mukim Taboh Naning, Daerah Alor Gajah, Melaka ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sejak tahun 1988, warga JKR menerima latihan teknikal melalui Institut Latihan dan Penyelidikan JKR yang telah diswastakan dan diberi nama Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM). Perjanjian konsesi IKRAM walau bagaimanapun telah ditamatkan pada tahun 2011 dan pada Julai 2012, Kerajaan telah bersetuju dengan pembinaan sebuah Institut latihan Jabatan Kerja Raya Malaysia yang dilaksanakan secara perkongsian awam swasta melalui kaedah bina-pajak-selenggara-pindah oleh Syarikat Indera Persada Sdn. Bhd.

4. Institusi ini digelar Pusat Kecemerlangan Teknologi Nasional Malaysia (PKTNM). Selaras dengan namanya, Pusat ini bertujuan menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam latihan, penyelidikan dan inovasi yang bertaraf dunia. PKTNM berperanan untuk membangun dan memantapkan modal insan yang kompeten, kreatif dan inovatif menggunakan teknologi terkini secara bersepadu dan berterusan serta memberi nilai tambah kepada kepakaran bidang kejuruteraan, pengurusan aset, pengurusan projek dan perundingan melalui penyelidikan dan kreativiti yang inovatif dan lestari.

5. PKTNM juga berfungsi untuk melatih professional seperti Jurutera Awam, Elektrik dan Mekanikal, Arkitek dan Juru Ukur Bahan serta sub professional iaitu Penolong Jurutera, Juruteknik dan Pelukis Pelan secara bersistematik dan berterusan. Mereka akan dilatih oleh pegawai yang berpengalaman dan mahir dalam bidang masing-masing dengan program latihan yang dibangunkan berasaskan Computer Based Human Resource Management (CBHRM).

Para Hadrin Sekalian,

6. PKTNM disasarkan untuk melatih seramai 17 ribu pegawai profesional dan sub professional dan 13 ribu staf sokongan bukan teknikal secara berterusan termasuk JKR Negeri serta mereka yang ditempatkan di jawatan kader di Kementerian-kementerian. Ia juga bakal menyediakan program penyelidikan yang menjurus kepada Applied Research supaya penggunaan teknologi terkini dalam industri pembinaan dapat diterokai dan dipadansuaikan dengan keadaan tempatan. Ia juga akan menjadi pusat pensijilan dan akreditasi dalam bidang teknikal bagi industri pembinaan Negara.

7. Di samping itu juga, Pusat ini akan menjalankan usahasama dengan institusi dan badan-badan professional seperti Lembaga Jurutera, Lembaga Arkitek dan Lembaga Juru Ukur Bahan dimana program-program latihan boleh dirancang dan disusun dengan rapi bagi membolehkan pegawai dari bidang-bidang tertentu membangunkan kerjaya profesionalismenya.

8. Bagi kakitangan sub professional, mereka akan berupaya untuk mendapat kelayakan yang lebih bermanfaat apabila Pusat ini mengadakan kolaborasi dengan Pusat / Institusi yang diiktiraf mengeluarkan sijil akreditasi yang berkaitan dengan profesion mereka. Umpamanya Sijil Akreditasi Penyelia Tapak Pembinaan yang dikeluarkan oleh CIDB dan Sijil Kelayakan “Charge Men” yang dikeluarkan oleh Institut Latihan TNB.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. PKTNM juga akan memainkan peranan penting sebagai Agen Perubahan JKR dalam pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan inovasi. Kolaborasi penyelidikan / kajian akan dibuat bersama pihak Universiti / Penggiat Industri / Institusi Pengajian Tinggi dimana pihak JKR menyumbangkan kemudahan tapak bina dan pihak Universiti menyumbangkan kepakaran akademik mereka. Sehubungan dengan itu, selain mendapat penyelesaian bagi mengatasi masalah pelaksanaan projek, pegawai-pegawai juga dapat meningkatkan taraf kelayakan ijazah ke peringkat ijazah lanjutan seperti Ijazah Sarjana (Master) dan Doktor Falsafah (PhD). Ia juga akan merancang dan menyelaraskan permohonan Intellectual Property (IP), copyright & paten bagi projek-projek penyelidikan JKR sejajar dengan era transformasi Kerajaan untuk membudayakan kreativiti dan inovasi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Lokasinya di daerah Alor Gajah, Melaka adalah amat strategik kerana mempunyai laluan susur keluar dari Lebuhraya Utara Selatan ke Simpang Ampat untuk pengguna jalan raya ke Alor Gajah dan Tampin, Negeri Sembilan. Manakala, perjalanan dari Kuala Lumpur akan hanya mengambil masa selama satu (1) jam.

11. Dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan Teknologi Nasional ini, Kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan perlaksanaan program latihan dan seterusnya dapat melatih lebih ramai pegawai dan kakitangan JKR. Ia juga menjadi mercu tanda bagi 30 ribu orang kakitangan teknikal dan bukan teknikal JKR di seluruh Malaysia.

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Pejabat Tanah dan Galian Melaka kerana telah memberi sepenuh komitmen terhadap pelaksanaan projek ini. Tidak lupa juga kepada pihak syarikat Indera Persada Sdn. Bhd. dan Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.